

19 JUL 1997

LEAD Mahathir-lawat

HUBUNGAN PERNIAGAAN DENGAN WILAYAH JEPUN DIPERKUKUH

Oleh: Zainoor Sulaiman

TOYAMA, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan mengukuhkan hubungan perniagaan secara langsung dengan wilayah-wilayah Jepun.

Perdana Menteri berkata beliau berharap lebih banyak hubungan sedemikian dijalin antara pihak swasta dari Malaysia dan usahawan di wilayah-wilayah Jepun.

Di masa lepas, hubungan dan kerjasama hanya terhad kepada mereka di peringkat nasional di Tokyo, kata Dr Mahathir dalam satu ucapan ringkas pada jamuan tengah hari oleh Gabenor Toyama Yutaka Nakaoki di sini.

Yang turut hadir ialah Duta Malaysia ke Jepun Tan Sri Mohamad Khatib Abdul Hamid dan pemimpin politik serta perniagaan tempatan.

Dr Mahathir berkata daripada segi bilangan penduduk dan kegiatan perniagaan, setiap wilayah di Jepun lebih besar daripada Malaysia.

Dr Mahathir, yang sedang dalam rangka lawatan kerja sambil bercuti selama tujuh hari ke Jepun, tiba pagi tadi dan telah meninjau industri kereta Jepun dan perkhidmatan kereta api ke pusat percutian di tanah tinggi.

Beliau dan rombongan yang termasuk dua anaknya Mirzan dan Mokhzani, dibawa melawat kilang kereta Matsuoka yang mengeluarkan kereta antik dan klasik dengan menggunakan enjin Nissan dan Mazda.

Presiden syarikat itu Susumu Matsuoka memberi taklimat mengenai operasi syarikat itu yang telah ditubuhkan pada 1968.

Kilang kereta itu mempunyai 100 pekerja dan mengeluarkan 10 unit kereta sebulan dengan harga dalam lingkungan 1.5 juta Yen (AS\$30,000) dan 3.5 juta Yen (AS\$70,000) sebuah.

Dr Mahathir kemudian melawat Kurobe Kyokoku Railway Ltd dan menaiki kereta api merentasi lereng bukit yang mempunyai pemandangan yang indah dari Kuronagi ke Unazuki. Perjalanan sejauh 20 km itu meliputi 46 gua dan 27 jambatan.

Esok, beliau dijadual bertemu dengan Gabenor Okayama, Masaahiro Ishii serta ahli politik dan pemimpin perniagaan tempatan manakala pada Isnin, beliau akan mengadakan dialog dengan pemimpin perniagaan, ahli akademik dan ahli politik.

Perdana Menteri akan kembali ke Kuala Lumpur pada 22 Julai setelah mengakhiri tempoh "bercuti dan juga bekerja" selama dua bulan di Britain, Lubnan, Turki, Hungari dan Perancis. -- BERNAMA

ZS MAI